

Tr. P.U. 20.

AKTA KERAJAAN TEMPATAN 1976

UNDANG-UNDANG KECIL KEBERSIHAN AWAM
(MAJLIS DAERAH HULU TERENGGANU) 1994

Akta 171.

PADA menjalankan kuasa-kuasa yang diberi oleh Seksyen-seksyen 73 dan 102 Akta Kerajaan Tempatan 1976 Majlis Daerah Hulu Terengganu dengan ini membuat dan menurut Seksyen 103 Akta ini, Pihak Berkuasa Negeri dengan ini mengesahkan undang-undang kecil yang seperti berikut:

Nama,
dan mula
berkuatkuasa.

1. Undang-undang kecil ini bolehlah dinamakan Undang-undang Kecil Kebersihan Awam (Majlis Daerah Hulu Terengganu) 1994 dan hendaklah mula berkuatkuasa pada tarikh ia disiarkan dalam *Warta*.
2. Dalam undang-undang kecil ini, melainkan jika kandungan ayatnya menghendaki makna yang lain—

“lebuh” termasuklah sesuatu jalan, medan, siar-kaki, jalan lalu atau jalan susur, sama ada jalan tembus atau tidak, di atas mana orang ramai berhak lalu dan juga jalan di atas sesuatu jambatan, dan juga termasuklah sesuatu jalan, siar-kaki atau jalan lalu, halaman terbuka atau jalan kecil terbuka, yang digunakan atau dicadangkan untuk digunakan sebagai suatu jalan masuk kepada dua buah pegangan atau lebih, sama ada orang ramai berhak lalu di atasnya atau tidak, dan semua saluran parit dan longkang di sisi di mana-mana lebuh hendaklah disifatkan sebagai sebahagian daripada lebuh itu;

“jalan awam” ertiinya mana-mana jalan di mana orang awam mempunyai hak melaluinya yang mana atau yang selalu dibaiki atau dijaga oleh Majlis atau yang telah diberi atau yang telah diletak hak kepadanya di bawah mana-mana undang-undang berkuatkuasa pada masa itu atau dengan apa-apa cara yang lain;

“kemudahan awam” ertiinya tandas-tandas, tandas kencing, tandas tarik, tempat basuh tangan, tangki air, tempat mandi yang akan diisytiharkan oleh Majlis dari masa ke masa;

“Majlis” ertiinya Majlis Daerah Hulu Terengganu;

“premis” termasuk rumah kediaman, bangunan, tanah, esaman, mana-mana hak milik turun temurun, sama ada terbuka atau tertutup, sama ada dibina di atasnya atau tidak, sama ada yang awam atau persendirian dan sama ada dijaga atau tidak oleh Pihak Berkuasa;

“siar-kaki” ertiinya termasuk kaki lima, jalan-jalan dan beranda di tepi-tepi jalan;

“sampah-sarap kandang” ertiinya najis atau air kencing kuda, biri-biri, kambing, kerbau, lembu atau babi dan kotoran atau sampah-sarap atau pengaliran dari mana-mana kandang atau bangsal kerbau lembu atau tempat-tempat memelihara biri-biri, kambing, kerbau, lembu, babi, ternakan-ternakan atau mana-mana binatang lain;

“sampah-sarap kebun” ertinya sampah-sarap dari kebun dan aktiviti pertanian;

“sampah-sarap perdagangan” ertinya sampah-sarap mana-mana perdagangan, pengeluaran atau perniagaan atau dari apa-apa kendalian bangunan;

“sampah-sarap tempat kediaman” ertinya sampah-sarap yang terjadi akibat dari aktiviti rumah tangga dan tidak termasuk ‘sampah-sarap perdagangan’, ‘sampah-sarap kebun’ atau ‘sampah-sarap kandang’;

“bekas penyimpan sampah-sarap awam” ertinya bekas sampah-sarap yang dibekalkan oleh Majlis untuk tujuan meletakkan sampah-sarap oleh pekerja Majlis;

“bekas menyimpan sampah-sarap kediaman” ertinya bekas menyimpan sampah-sarap yang dibekalkan oleh tuan rumah untuk tujuan meletakkan sampah-sarap tempat kediaman;

Perkataan-perkataan “Tempat Awam” dan “Yang Dipertua” hendaklah mempunyai makna yang sama seperti yang ditafsirkan di bawah Seksyen 2 Akta Kerajaan Tempatan 1976.

Aka 171.

3. Tiada sampah-sarap, kotoran atau apa-apa benda boleh diletak di atas lebuh, jalan atau tempat awam kecuali mengikut cara yang diperuntukkan selepas daripada ini.

*Melatak
sampah-sarap
di atas lebuh.*

4. (1) Setiap penghuni mana-mana premis hendaklah mengadakan sebilangan yang cukup akan bekas menyimpan sampah-sarap yang tertutup, untuk menyimpan sampah-sarap dari premis. Bekas ini hendaklah diperbuat dari apa-apa bahan dan berukuran sebagaimana yang dibenarkan oleh Yang Dipertua.

*Sampah-sarap
tempat
kediaman.*

(2) Semua sampah-sarap dari premis yang telah terlebih dahulu diisikan ke dalam sarung plastik dan diikatkan dengan sempurna, hendaklah diletakkan ke dalam bekas sampah-sarap dan bekas ini hendaklah diletak, sama ada di sisi premis atau di tepi kaki-lima atau di pintu pagar premis atau di suatu tempat yang sesuai atau di ruang sampah-sarap seperti yang dikehendaki oleh Majlis supaya ianya boleh dikosongkan oleh pekerja Majlis. Di mana saluran sampah-sarap dibekalkan, sampah-sarap itu hendaklah diletakkan ke dalam saluran itu.

5. Majlis boleh menghendaki pemunya mana-mana bangunan yang lebih dari satu tingkat menyediakan dengan secukupnya saluran sampah-sarap, alat dan ruang untuk sampah-sarap yang sesuai ukurannya.

*Saluran
sampah-sarap.*

6. Tiada seorang pun yang tidak diberi kebenaran boleh mencakar atau menggali di dalam atau mengalih apa-apa daripada atau menumpah atau menyelerakkan atau membiarkan terdedah mana-mana kandungan mana-mana bekas sampah persendirian yang diletak di mana-mana beranda atau mana-mana muka pintu atau pintu pagar atau di mana-mana lebuh atau jalan belakang.

*Menggali
dari bekas
sampah
Majlis,*

- Bekas menyimpan sampah-sarap awam.**
- Majlis boleh menyebabkan diadakan di tempat yang sesuai dan selesa seberapa banyak bekas penyimpanan sampah-sarap yang boleh dialih atau yang kekal di mana di dalamnya debu, kotoran, abu dan sampah yang dipungut oleh kenderaannya daripada bekas penyimpanan sampah-sarap tempat kediaman boleh diletak secara sementara.
- Sampah-sarap yang dilarang.**
- Tiada seorang boleh meletakkan najis, tahi atau sampah-sarap kebun atau kandang atau bangkai atau mayat di dalam bekas penyimpanan sampah-sarap tempat kediaman atau awam.
- Sistem pengairan.**
- Majlis boleh pada bila-bila masa mengenakan untuk semua premis di dalam sesuatu kawasan atau kawasan-kawasan yang dari masa ke masa dinyatakan olehnya untuk tujuan ini mana-mana sistem yang difikirkan munasabah olehnya untuk memungut dan mengalih oleh Majlis najis, debu, kotoran, abu, sampah-sarap, sisa-sisa dan lain-lain sampah-sarap dari premis-premis ini dan boleh menentukan bayaran-bayaran yang dikenakan berkaitan dengan pungutan dan pengalihan itu.
- Menggali tempat membuang sampah.**
- Tiada seorang pun yang tidak diberi kebenaran boleh mencakar atau menggali di dalam atau mengalih apa-apa sahaja benda dari sampah-sarap yang ditempatkan di dalam mana-mana tempat membuang sampah Majlis.
- Menggunakan tempat membuang sampah Majlis.**
- Tiada seorang pun yang tidak diberi kebenaran boleh meletakkan apa-apa di dalam atau di mana-mana tempat membuang sampah Majlis.
- Pencemaran sungai dkk.**
- Tiada seorang pun boleh merendam atau membasuh atau membenarkan pekerjanya atau anggota rumahnya di bawah kawalannya merendam atau membasuh di dalam mana-mana sungai, terusan, tangki awam, longkang, parit atau anak sungai mana-mana kulit haiwan, pakaian yang bercelup atau lain-lain bahan yang berkemungkinan menjadikan air sungai, terusan, longkang, parit atau alurair itu berbau busuk atau merbahaya dan tiada seorang pun boleh tanpa kebenaran Yang Dipertua secara bertulis membiarkan mana-mana air di mana di dalamnya kulit binatang, pakaian yang bercelup atau benda-benda lain yang telah direndam atau dibasuh mengalir atau menyalur ke dalam mana-mana sungai, terusan, tangki awam, longkang, parit atau alur-alur.
- Pengotoran.**
- Tiada seorang pun boleh meletakkan atau membenarkan pekerja atau anggota rumahnya yang di bawah kawalannya meletakkan mana-mana tanah, habuk kayu, najis, air kencing, sampah-sarap kebun, kotoran atau apa-apa jenis bahan di atas mana-mana lebuh, tempat awam atau lorong belakang, ke dalam mana-mana longkang atau ke dalam atau di atas kawasan lapang atau tanah di mana orang awam boleh melaluinya atau ke dalam atau di atas tebing mana-mana sungai, terusan, alurair atau ke dalam atau ke atas mana tepian pantai.
- Tumpahan.**
- Tiada seorang pun boleh menumpahkan atau menyebabkan tumpahan atau membenarkan pekerjanya menumpahkan mana-mana tanah, pasir, batu kotoran atau apa-apa benda ke atas mana-mana lebuhan dari mana-mana bahagian kenderaan di bawah kawalannya.

15. Untuk tujuan undang-undang kecil ini pemunya atau penghuni premis atau majikan di dalam hal pekerja atau pemunya di dalam hal kenderaan hendaklah dianggap sebagai telah membenarkan atau menyebabkan melakukan kesalahan jika kesalahan-kesalahan itu dilakukan oleh pekerja itu atau ahli rumahnya di bawah kawalannya atau oleh kenderaannya.

16 (1) Tiada seorang pun boleh menghalang mana-mana parit awam atau membina apa-apa tangga, jambatan atau titian merintangi mana-mana parit awam, kali atau terusan tanpa kebenaran bertulis Majlis dan mengikut arahan Majlis.

(2) Tiada seorang pun boleh melakukan kacauganggu dengan membuang najisnya di atas atau merintangi mana-mana lebuh, lorong belakang, kaki-lima, jalan kaki, tepi jalan kedai atau di atas mana-mana tanah atau kawasan lapang di mana orang awam boleh melaluiinya atau ke dalam atau di atas tebing mana-mana sungai, terusan, parit, tepian pantai atau alurair atau membenarkan mana-mana kanak-kanak di bawah umur 12 tahun di bawah jagaannya atau kawalannya melakukan kacauganggu ini.

(3) Untuk tujuan undang-undang kecil ini seseorang yang mempunyai jagaan atau kawalan kanak-kanak itu hendaklah dianggap telah membenarkan kanak-kanak itu melakukan kesalahan bila mana kanak-kanak itu melakukan kesalahan tersebut.

17. Tiada seorang pun boleh memandu mana-mana kenderaan yang membawa batu, bahan yang berat, tanah, batu-bata atau apa-apa bahan yang lain tanpa mengambil langkah yang wajar menghalang benda-benda ini dari jatuh ke atas lebuh.

18. Setiap pemunya atau penghuni di dalam kawasan di mana tanah atau premisnya terdapat mana-mana binatang yang mati hendaklah dengan perbelanjaannya sendiri dalam masa empat jam selepas kematiannya atau jika kematiian berlaku pada malam hari dalam masa empat jam selepas siang, mengalih dan menanam bangkai itu atau mengaturkannya untuk Majlis menguruskan dan mana-mana perbelanjaan bagi maksud itu hendaklah diperolehi daripada pemunya atau penghuni.

19. Tiada seorang pun boleh meletakkan atau menyebabkan terletaknya mana-mana mayat atau bangkai atau mana-mana bahagian mayat atau bangkai di atas mana-mana lebuh tempat awam atau lorong belakang atau ke dalam mana-mana parit, sungai atau alurair atau di atas tebing mana-mana sungai, alurair atau terusan di dalam Majlis atau di tepi pantai.

20. Jika mana-mana rumah, tembok, beranda atau bahagian mana-mana rumah, pokok atau apa-apa jenis runtuhan jatuh di atas mana-mana jalan awam, tempat awam atau lorong belakang, tuanpunya rumah, tembok atau bahagian mana-mana premis itu hendaklah dengan serta-merta mengalih benda yang jatuh itu dan jika pemunya mengabaikannya Majlis boleh mengalihkannya dan apa-apa perbelanjaan yang dibelanjakan oleh kerana itu hendaklah dibayar oleh pemunya.

**Memasang
tali dll.
di jalan
awam.**

21. Tiada seorang pun boleh meletakkan apa-apa tali, wayer, kertas tebal atau tiang merintangi mana-mana lebuh, tempat awam atau lorong belakang tanpa kebenaran bertulis dari Majlis.

**Bermain
layang-
layang.**

22. Tiada seorang pun boleh di mana-mana lebuh atau lorong belakang bermain layang-layang.

**Pagar pohon
perlu dipotong
dan dipangkas.**

23. Penghuni atau jika tidak didiami pemunya mana-mana tanah di mana di atasnya ada pagar pohon yang bersempadan mana-mana lebuh di dalam kawasan Majlis hendaklah menjaga pagar pohon itu dengan dipotong dan dipangkas supaya tidak menghalang lebuh dan di dalam keadaan di mana penghuni atau pemunya itu gagal mematuhi notis bertulis dari Majlis yang telah disampaikan kepadanya, Majlis boleh menyebabkan pagar pohon itu dipotong, dipangkas dan dibuang potongan-potongan itu dan boleh menuntut perbelanjaan oleh kerana itu dari penghuni atau pemunya.

**Alat
keselamatan
lebuh tidak
boleh dialih.**

24. Tiada seorang pun boleh membawa turun mengganggu, meminda atau mengalih apa-apa notis, pagar sekatan, rantai atau tiang atau memadamkan atau mengalih atau mengganggu mana-mana lampu yang diletakkan di mana-mana lebuh, tempat awam atau lorong belakang untuk tujuan keselamatan atau kesenangan awam untuk mencegah atau mengawal laluan orang berjalan kaki, basikal, kenderaan atau binatang, semasa mana-mana lebuh, tempat awam atau lorong belakang sedang atau memerlukan pembaikian atau semasa apa-apa kerja lain sedang dijalankan oleh atau di bawah perintah Majlis.

Halangan.

25. Tiada seorang pun boleh di atas mana-mana lebuh, tempat awam atau lorong belakang atau mana-mana bahagiannya meletak atau meninggalkan apa-apa benda atau barang apa pun yang berkemungkinan menyebabkan penghalangan atau meletakkan mana-mana bidai, kajang atau lain-lain anjuran merintangi tanpa kebenaran bertulis dari Majlis dan di mana kebenaran itu diberi alat-alat itu hendaklah dijaga dengan bersih, dalam keadaan baik dan dijaga dengan sempurnanya.

**Kereta lembu
dan kerbau.**

26. Setiap pembawa kereta lembu atau kerbau yang mempunyai kawalan ke atasnya hendaklah membawa sebuah bakul dan dengan cara ini mengambil semua langkah yang munasabah menghalang peninggalan najis di atas jalan awam.

**Pengumpulan
binatang.**

27. Tiada seorang pun boleh mengumpul binatang atau meninggalkan apa-apa kereta atau mengadakan perkhemahan di atas mana-mana lebuh atau tempat awam tanpa kebenaran bertulis Majlis dan mengikut arahan-arahannya.

**Benda-benda
tidak boleh
diletak di
atas jalan
awam dll.**

28. Tiada seorang pun boleh dengan sendirinya atau ejennya atau pekerjanya meletakkan atau menyebabkan diletakkan apa-apa habuk kayu, ikan kering, sirip-yu, beche-de-mer, tepung udang, belacan, buah pinang atau apa-apa barang lain yang berkemungkinan menyebabkan penghalang di atas mana-mana lebuh, tempat awam,

lorong belakang, kaki-lima, jalan tepi kedai, di atas kawasan lapang di mana orang awam melaluinya atau ke dalam mana-mana parit, mana-mana barang yang diletakkan sedemikian atau menyebabkan diletakkan sedemikian boleh dialih atau dimusnahkan oleh Majlis tanpa merujuknya kepada pemunya.

29. Tiada seorang pun boleh, dengan sendirinya atau ejennya atau pekerjanya menjemur atau menggantung atau meletak untuk tujuan menjemur apa-apa kain atau pakaian, perca kain, layar, kulit binatang, bulu burung, tulang-tulang, kayu api atau apa-apa benda lain di atas mana-mana pagar pohon, pagar, susuran tangga, pagar papan di sekeliling dinding atau bangunan awam atau kepunyaan Majlis atau di atas tebing mana-mana sungai, terusan, parit atau longkang atau lorong atau di atas mana-mana lebuh, kaki lima, jalan di tepi kedai atau lorong belakang atau di atas mana-mana tanah lapang di mana orang ramai dapat melaluinya.

Benda-benda tidak boleh dijemur di atas jalan awam.

30. Tiada bangkai binatang boleh dipotong di atas mana-mana lebuh, tempat awam, atau lorong belakang.

Bangkai binatang.

31. Tiada seorang pun boleh membina apa-apa saluran atau membawa air melalui apa-apa saluran merintangi laluan awam kecuali dengan cara yang terlebih dahulu mesti diluluskan oleh Majlis secara bertulis dan tiada seorang pun boleh mengubah mana-mana kali awam atau alir air di dalam kawasan Majlis untuk tujuan apa-apa pun tanpa kebenaran bertulis oleh Majlis terlebih dahulu.

Pembinaan longkang di jalan awam dll.

32. Tiada seorang pun boleh dengan sendirinya atau ejennya atau pekerjanya tanpa kebenaran bertulis Majlis terlebih dahulu menampal apa-apa iklan, pelekat, notis atau apa-apa kertas pada atau di mana-mana bangunan, tembok, pagar susuran tangga, pagar pohon, tiang atau pokok dengan kapur cat atau dengan apa cara sekali pun. Apa-apa tambahan yang tidak dibenarkan, kerosakan atau tanda boleh dialih oleh Majlis dan perbelanjaan yang dikenakan oleh kerananya hendaklah dibayar oleh orang yang telah ingkar itu.

Pelekat tidak boleh ditampal tanpa kebenaran.

33. (1) Tiada seorang pun selain dari pekerja yang dibenarkan atau ejen Majlis boleh, tanpa kebenaran bertulis Majlis terlebih dahulu mengalih najis dari mana-mana tandas yang terletak di dalam kawasan mana sistem pengalihan najis dipakai oleh Majlis.

Pengalihan najis.

- (2) Pemunya mana-mana tandas hendaklah, jika dikehendaki oleh Pegawai Kesihatan membina dan mengatur semula tandas itu sehingga memuaskan hati Pegawai Kesihatan.

Tandas.

- (3) Penghuni sesebuah rumah hendaklah jika dikehendaki secara bertulis oleh Pegawai Kesihatan, mengadakan atau membaharu baldi tandas dan alat-alat yang lain yang ukuran, bentuk dan bahan seperti yang dinyatakan oleh Pegawai Kesihatan. Tandas, baldi dan bahan-bahan yang lain boleh disediakan atau diperbaharui oleh Majlis dengan perbelanjaan penghuni yang dibekalkan bila penghuni itu tetap gagal untuk menyediakan atau membaharunya di dalam tempoh yang ditentukan oleh Pegawai Kesihatan secara bertulis.

- (4) Kemasukan secara bebas hendaklah dibenarkan ke setiap rumah dan bangunan di dalam kawasan pengalihan najis kepada ejen dan pekerja-pekerja Majlis untuk tujuan memungut dan mengalih najis di antara jam 6 pagi hingga 6 petang.

- Mandi membersih pakaian dan kenderaan di tempat awam.**
34. (1) Tiada seorang pun boleh menggunakan mana-mana tempat kemudahan awam untuk tujuan membasuh pakaian dan kenderaan.
 (2) Tiada seorang pun boleh mandi di dalam tempat kemudahan awam kecuali di tempat mandi yang dikhaskan untuk tujuan itu.
- Pengkhianatan.**
35. Tiada seorang pun boleh merosakkan atau membuat apa-apa perubahan terhadap bangunan, alat-alat atau paip air di dalam mana-mana tempat kemudahan awam atau mencuri dari apa-apa yang menjadi sebahagian kemudahan itu.
- Air dari tempat kemudahan awam.**
36. Tiada seorang pun yang tidak diberi kebenaran boleh mengambil air untuk apa-apa tujuan sekalipun dari mana-mana tempat kemudahan awam.
- Binatang di sepanjang lebuh dll.**
37. Sesiapa yang menjadi pemunya atau orang yang mempunyai kawalan ke atas mana-mana lembu, kerbau, keldai, biri-biri, kambing atau babi membenar binatang itu berada di atas mana-mana lebuh di dalam had kawasan Majlis atau membawa atau menyebabkan dibawa mana-mana binatang itu tinggal berada di atas mana-mana lebuh atau mana-mana tempat awam atau harta persendirian di dalam kawasan Majlis adalah bersalah melakukan satu kesalahan di bawah undang-undang kecil ini.
- Pengalihan benda yang mengeluarkan bau busuk.**
38. Tiada najis, air kencing, ikan yang reput, bahan binatang yang busuk atau beras yang reput atau benda-benda lain yang mengeluarkan bau busuk boleh dibawa sepanjang atau di atas mana-mana lebuh di dalam kawasan Majlis melainkan di dalam bekas yang kedap udara dan kedap air yang diluluskan oleh Majlis.
- Orang yang mengalih benda yang mengeluarkan bau busuk.**
39. Setiap orang yang mengalih mana-mana benda yang mengeluarkan bau busuk hendaklah menyediakan bekas itu dengan perbelanjaan mereka sendiri. Tiada bekas sedemikian yang mengandungi benda yang mengeluarkan bau busuk itu boleh dibawa melalui, di sepanjang atau di atas mana-mana lebuh di dalam kawasan Majlis kecuali bekas itu dikedap air dan bebas dari lubang-lubang dari mana kandungannya atau bau busuk boleh terlepas keluar dan kecuali penutup bekas itu ditutup dengan sempurnanya.
- Penalti.**
40. Seseorang yang melanggar mana-mana undang-undang kecil ini adalah bersalah atas suatu kesalahan dan apabila disabitkan boleh dikenakan denda tidak lebih daripada dua ribu ringgit atau penjara selama tempoh tiada lebih daripada satu tahun atau denda dan penjara atau kedua-duanya dan mengenai sesuatu kesalahan yang berterusan boleh dikenakan denda tidak lebih daripada dua ratus ringgit bagi tiap-tiap satu hari selama tempoh kesalahan itu diteruskan selepas sabitan.
- Bayaran.**
41. (1) Bayaran untuk mengalih sampah-sarap tempat kediaman, sampah-sarap perdagangan, sampah-sarap kebun atau sampah-sarap kandang atau untuk meletakkan apa-apa benda di dalam atau di atas mana-mana tempat pembuangan sampah Majlis atau menghisap najis hendaklah seperti di dalam Jadual tetapi Majlis boleh memindanya dari masa ke masa.
 (2) Semua kutipan hendaklah menjadi sebahagian daripada Kumpulan Wang Majlis Daerah Hulu Terengganu.

JADUAL

(Undang-undang Kecil 41 (1))

1. Mengangkat Sampah—

(a) Bangunan kedai dan rumah kedai:

(i) Keluasan 100 meter persegi atau kurang RM6.00 sebulan.

(ii) Keluasan 101 meter persegi atau lebih RM10.00 sebulan.

(b) Bangunan kediaman RM3.00 sebulan;

(c) Perusahaan RM20.00 sebulan.

(d) Kompleks perniagaan RM30.00 sebulan.

(e) Bangunan Hotel:

(i) Kurang dari 10 bilik RM10.00 sebulan.

(ii) Tambahan bagi tiap-tiap bilik ... RM1.00 sebulan.

(f) Tempat untuk lain-lain kegunaan ... RM3.00 hingga RM200.00 sebulan atau sehari.

2. Hisap najis—

(a) Bayaran pemeriksaan RM20.00.

(b) Bayaran hisap najis:

(i) Dalam kawasan Majlis RM20.00 seterip.

(ii) Di luar kawasan Majlis RM20.00 seterip dan dikenakan bayaran per-jalanan RM1.00 bagi tiap-tiap satu kilometer.

Diperbuat oleh Majlis Daerah Hulu Terengganu di dalam Mesyuaratnya pada 30 haribulan Mei, 1993.

[MDHT. 01/688.]

HAJI WAN MUDA BIN MOHD,
*Yang Dipertua,
Majlis Daerah,
Hulu Terengganu*

Disahkan oleh Pihak Berkuasa Negeri di dalam Mesyuaratnya pada 16 haribulan Ogos, 1994.

[SUK. TR. 1200/352/3; PUN. TR. (S) 85/3/7.]

OSMAN BIN MUDA,
*Setiausaha,
Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri,
Terengganu*

LOCAL GOVERNMENT ACT 1976

PUBLIC CLEANSING (HULU TERENGGANU DISTRICT COUNCIL)
BY-LAWS 1994*Act 171.*

In exercise of the powers conferred by Sections 73 and 102 of the Local Government Act 1976, the Hulu Terengganu District Council hereby makes and pursuant to Section 103 of the said Act the State Authority hereby confirms the following by-laws:

Citation and commencement.

1. These by-laws may be cited as the **Public Cleansing (Hulu Terengganu District Council) By-Laws 1994** and shall come into force on the date of its publication in the *Gazette*.

Interpretation.

2. In these by-laws unless the context otherwise requires—

“Council” means the Hulu Terengganu District Council;

“domestic refuse” means refuse generated as a result of domestic activities and does not includes “trade refuse”, “garden refuse” or “stable refuse”;

“domestic refuse container” means refuse container provided by the house holder for the purpose of depositing domestic refuse;

“foot-way” includes five foot-ways and verandahs at the sides of streets;

“garden refuse” means the refuse from garden and agricultural activities;

“public convenience” means latrines, lavatories, toilets, urinals, water closets, washbasins, watertanks and baths as may be declared by the Council from time to time;

“public refuse container” means refuse container provided by the Council for the purpose of depositing refuse by the Council workers;

“public street” means any street over which the public have a right of way which is or has been usually repaired or maintained by the Council or which has been conveyed to it or has become vested in it under any law for the time being in force or in any other manner;

“premises” includes messuages, buildings, lands, easements, hereditaments of any tenure, whether open or enclosed, whether built on or not, whether public or private and whether maintained by the authority or otherwise;

“stable refuse” means the dung or urine of horses, sheep, cattle, goats or swine, and the sweepings or refuse or drainage, from any stables, or cattle, goats, swine, poultry, or any other animals;

“street” includes any road, square, foot-way passage or service road whether a thoroughfare or not, over which the public have a right of way, and also the way over any bridge, and also includes

any road, foot-way or passage, open court or open alley, used or intended to be used as a means of access to two or more holdings whether the public have a right of way over it or not, and all the channels, drains and ditches at the side of any street shall be deemed to be part of such street;

"trade refuse" means the refuse of any trade, manufacture or business or of any building operations. The words "Public Places" and "President", shall have the same meaning as defined under Section 2 of the Local Government Act 1976.

Act 171.

3. No refuse, rubbish, litter or any matter shall be deposited on a street, road or public place except in the manner hereinafter provided.

*Deposit of
refuse on
street.*

4. (1) Every occupier of any premises shall provide adequate number of covered refuse container for the disposal of the refuse from the premises. The container shall be made of such materials and to such specification as approved by the Health Officer.

*Domestic
refuse.*

(2) All the refuse from the premises which had previously been placed in a plastic bag and duly fastened shall be placed into the refuse container and such container shall be placed either adjoining the premises, or on the edge of the five foot-way or at the gate of the premises, or in some suitable position, or in such refuse chamber as may be required by the Council so that it may be emptied by the Council workers. Wherever a refuse chute is provided, such refuse shall be deposited into the chute.

5. The Council may require the owner of any building of more than one storey to provide sufficient refuse chutes, refuse hoppers and chambers of suitable size.

*Refuse
chutes.*

6. No unauthorised person shall rake or grub in or remove anything from or spill or scatter or allow to remain exposed any of the contents of any Council refuse container, Council refuse vehicles or any private refuse container placed in any verandah or at any doorway or gate or in any street or backlane.

*Grubbing
from refuse
container.*

7. The Council may cause to be provided in proper and convenient place any number of movable or fixed refuse container wherein dust, dirt, ashes and rubbish collected by its vehicles from the domestic refuse containers may be temporarily deposited.

*Public refuse
container.*

8. No person shall deposit dung or nightsoil or garden refuse or stable refuse or carcass, or corpse in the domestic or public refuse containers.

*Prohibited
refuse.*

9. The Council may at any time impose on all premises within such area or areas as are from time to time defined by it for this purpose any system which it thinks fit for the collection and removal by the Council of nightsoil, dust, dirt, ashes, refuse, offal, and all other refuse from such premises and may prescribe fees to be charged in respect of collection and removal.

*System of
removal.*

- Grubbing from dumping ground.** 10. No unauthorised person shall rake or grub into or remove anything whatsoever from the refuse deposited in any Council dumping ground.
- Use of Council dumping ground.** 11. No unauthorised person shall deposit anything in or on any Council dumping ground.
- Pollution of rivers, etc.** 12. No person shall steep or wash or permit his servant or members of his household under his control to steep or wash in any river, canal, public tank, ditch, drain or water-course any hides, dye clothes or other matter likely to render the water of such river, canal, public tank, ditch, drain or water-course offensive or noxious and no person shall without the permission of the Health Officer in writing allow any water in which such hides, dye clothes or other matter have been steeped or washed to flow or drain into any river, canal, public tank, ditch, drain or water-course.
- Littering.** 13. No person shall deposit or permit his servants or members of his household under his control to deposit any earth, saw-dust, nightsoil, urine, garden refuse, rubbish or material of any description upon any street, public place or back-lane, into any drain or into or upon any open space or ground to which the public has access or into or upon the banks of any river, canal, water-course or into or upon any foreshore.
- Spilling.** 14. No person shall spill or cause to spill or permit his servants to spill any earth, sand, stone, rubbish or any matter upon any street from any part of a vehicle under his control.
- Presumption of law.** 15. For the purpose of these by-laws the owner or occupier of the premises or the employer in the case of servants or the owner in the case of vehicle shall be deemed to have permitted or caused to have committed the offence if such offences are committed by his employees or members of his household under his control or by the vehicle.
- Obstruction of drain, etc.** 16. (1) No person shall obstruct any public drain or construct any steps, bridge or platform over any public drain, stream or canal without the permission of the Council in writing and in accordance with the instruction of the Council.
- (2) No person shall commit a nuisance by easing himself on or upon any street, back-lane, foot-way, arcade or upon any ground or open space to which the public have access or into or upon the banks of any river, canal, drain, foreshore or water-course, or permit any child under 12 years of age in his care or custody to commit such a nuisance.
- (3) For the purposes of these by-laws the person under whose care or custody the child is shall be deemed to have permitted the child to commit the offence whenever the child commits such an offence.

17. No person shall drive any vehicle, conveying stone, ballast, earth, bricks, or any other material without properly securing the same from falling upon the street.

Falling
from
vehicle.

18. Every owner or occupier within whose land or premises any animal dies shall at his own expenses within four hours after its death or if death occurs at night within four hours after daylight remove and bury the carcass or arrange for the Council for its disposal of it and any expenses thereby incurred shall be recoverable from the owner or occupier.

Disposal of
carcass.

19. No person shall deposit or cause to be deposited any corpse or carcass or any part of the corpse or carcass upon any street, public place or back-lane or into any drain, river, or water-course or upon the banks of any river, water-course or canal, within the Council or upon the foreshore.

Depositing
of corpse
upon the
street.

20. If any house, wall, verandah or part of any house, trees or any form of debris shall fall upon any public street, public place or back-lane the owner of such house, wall or part of any premises shall forthwith remove the fallen materials and if the owner neglects to do so they may be removed by the Council and any expenses thereby incurred shall be recoverable from the owner.

Removal of
debris.

21. No person shall place any lines, wire, card or pole across any street, public place or back-lane without the permission of the Council in writing.

Erection of
lines etc. in
a public
street.

22. No person shall in any street or back-lane fly any kite.

Flying of kite.

23. The occupier or if unoccupied the owner of any land on which there is a hedge bordering any street within the Council shall keep such hedge trimmed and pruned so as not to obstruct the street and in the event of such occupier or owner failing to comply with a notice in writing from the Council served upon him, the Council may cause such hedge to be cut, trimmed and pruned and remove the cuttings and may recover the expenses thereof from the occupier or owner.

Hedge to be
trimmed and
pruned.

24. No person shall take down, interfere with, alter or remove any notice, fencing, bar, chain or post extinguish or remove or interfere with any lights placed in any street, public place or back-lane for the purpose of public safety or convenience to prevent or regulate the passage of pedestrians, cycles, vehicles or animals, while any street, public place or back-lane is under or in need of repair or whilst any other works are being carried out by or under the order of the Council.

Street
protective
measure
not to be
removed.

25. No person shall on any street, public place or back-lane or any part thereof place or leave any article or thing whatsoever likely to

Obstructions.

cause obstruction or place any blind, awning or other projection over the same without the written consent of the Council and where such consent has been given such device shall be kept clean, in good repair and be properly secured.

**Bullocks or
buffalo carts.**

26. Every driver in charge of a bullock or buffalo cart shall carry a basket and by such means shall take all reasonable steps to prevent the leaving of dung on the public streets.

**Picketing of
animals.**

27. No person shall picket any animal or leave any carts or form any encampment upon any street or public place without the written permission of the Council and in accordance with its instructions.

**Materials not
to be deposited
upon public
street etc.**

28. No person shall by himself or his agent or servant deposit or cause to be deposited any sawdust, dried fish, sharksfin, bechedemer, shrimp paste, belacan, betel nuts or any other thing likely to cause obstruction upon any street, public place, back-lane, foot-way, arcade, upon any open space to which the public has access or into any drain. Any articles so deposited or caused to be deposited may be removed and destroyed by the Council without reference to the owner thereof.

**Materials
not to be
dried on
public
street, etc.**

29. No person shall, by himself or his agent or his servant dry or hang or place for the purpose of drying any cloth or clothing rags, sails, animal skin, feathers, bones, firewood or any other thing upon any hedge fence, railing, fence boarding wall or other building being public or Council's property or upon the bank of any river, canal, ditch or drain or upon any street, foot-way, arcade or back-lane or upon space to which public has access.

**Animal
carcass.**

30. No carcass of any animal shall be cut upon any street, public place or back-lane.

**Construction
of drains in
public street,
etc.**

31. No person shall construct any canal or convey water by any canal across public thoroughfare except in such manner as shall have been first approved by the Council in writing and no person shall divert any public streams or water-course within the Council for any reason whatsoever without the previous consent of the Council in writing.

**Bills not to
be pasted
without
permission.**

32. No person shall by himself or his agent or servant without the previous permission of the Council in writing affix any advertisement, bill, notice or any paper against or upon any building, wall, fence, railing, hedge, post or trees with chalk, paint or any way whatsoever. Any unauthorised affixtures, defacements marks may be removed by the Council and the expense thereby incurred shall be paid by the person in default.

**Removal of
nightsoil.**

33. (1) No person other than an authorised servant or agent of the Council, shall, without the previous permission of the Council in

writing remove nightsoil from any latrine situated in an area to which a system of nightsoil removal has been applied by the Council.

(2) The owner of any latrine shall, if so required, by the Health Officer, reconstruct and rearrange it to the satisfaction of the Health Officer.

(3) The occupier of a house shall, if required in writing by the Health Officer, provide or renew latrines, pails and such other utensils of a size, design and material as specified by the Health Officer, latrines, pails and such other material may be provided or renewed by the Council at the expenses of the occupier to whom they are supplied, wherever such occupier has failed to provide or renew them within the period stipulated by the Health Officer in writing.

(4) Free entry shall be allowed to all houses and buildings in the nightsoil remove areas to the agents and servants of the Council for the purpose of collecting and removing nightsoil between the hours 6 a.m. to 6 p.m.

34. (1) No person shall use any public convenience for the purpose of washing of clothes and vehicles. Bathing,
washing of
clothes and
vehicles in
public
convenience.

(2) No person shall bathe in a public convenience, except in a bath specifically provided for the purpose.

35. No person shall damage, or tamper, with the building, fittings or water pipes in any public convenience or steal therefrom anything that forms part of the convenience. Vandalism.

36. No unauthorised person may carry away water for any purpose whatsoever from any public convenience. Water from
public
convenience.

37. Whoever being the owner or person in charge of any cattle, buffalo, donkey, sheep, goat or pig, allows any such animal to remain on any street within the Council limits or brings or causes to be brought any such animal to remain into any street or any public place or private property within the Council area shall be guilty of an offence under these by-laws. Animal
along
streets, etc.

38. No nightsoil, urine, decaying fish, putrid animal matter or decaying rice or other offensive substances shall be taken along or by any street within the Council area otherwise than in air and water-tight receptacles approved by the Council. Removal of
offensive
matter.

39. All persons removing any offensive substance shall provide themselves with such receptacles at their own cost. No such receptacles containing any such offensive substance shall be taken through, along or by any street within Council area unless such receptacles be water-tight and free from holes whereby the contents

Person
removing
offensive
matter.

thereof or the stench therefrom may escape and unless the lid of such receptacle be properly closed.

Penalty.

40. Any person who contravenes any of these by-laws shall be guilty of an offence and on conviction shall be liable to a fine not exceeding two thousand ringgit or a term of imprisonment not exceeding one year or both such fine and imprisonment and in the case of a continuing offence shall be liable to a fine not exceeding two hundred ringgit for each day during which such offence is continued after conviction.

Fees.

41. (1) The fee for removal of domestic refuse, trade refuse, garden refuse or stable refuse or for depositing anything in or on any Council dumping ground or for disludging of septic tank shall be as in the Schedule but the Council may amend it from time to time.

(2) All collection shall constitute part of the District Council Hulu Terengganu Fund.

SCHEDULE

(By-Law 41 (1))

1. Refuse removal—

(a) Shop and shop houses building:

(i)	Area 100 square metres or less ...	RM6.00 per month.
-----	------------------------------------	-------------------

(ii)	Area 101 square metres or more...	RM10.00 per month.
------	-----------------------------------	--------------------

(b)	Domestic buildings	RM3.00 per month.
	(Bungalow and Semi-Detached)	

(c)	Industrial buildings	RM20.00 per month.
-----	----------------------------------	--------------------

(d)	Commercial complex	RM30.00 per month.
-----	--------------------------------	--------------------

(e) Hotel buildings:

(i)	Less than 10 rooms	RM10.00 per month.
-----	----------------------------	--------------------

(ii)	Additional of every room ...	RM1.00 per month.
------	------------------------------	-------------------

(f)	Place for other uses	RM3.00 up to RM200.00 per month or per day.
-----	----------------------------------	---

2. Disludging of septic tank—

- (a) Examination fees RM20.00.
- (b) Disludging of septic tank:
- (i) Within Council areas RM20.00 per trip.
- (ii) Outside Council areas RM20.00 per trip
and incur travel-
ling fees of
RM1.00 per
kilometer.

Made by the Hulu Terengganu District Council in its meeting on the
30th. May, 1993.

[MDHT. 01/688.]

HAJI WAN MUDA BIN MOHD,
President,
Hulu Terengganu District Council

Confirmed by the State Authority in its meeting on the 16th.
August, 1994.

[SUK. TR. 1200/352/3; PUN. TR. (S) 85/3/7.]

OSMAN BIN MUDA,
Clerk of Council,
Terengganu